



Oleh **Syazwan Msar**

# Bina **kesepakatan** jejak kewujudan Hang Tuah

**S**iapa yang tidak mengenali kehebatan dan kewibawaan Laksamana Hang Tuah, ceritanya diperdengar dan diperturunkan generasi demi generasi masyarakat kita hingga hari ini.

Malah, kisah pahlawan Melayu pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah di Melaka pada abad ke-15 itu turut dicatatkan dalam manuskrip atau sejarah luar negara seperti dalam diari penakluk termasuk dari Portugal, Alfonso De Albuquerque iaitu antara individu mempunyai pengaruh besar dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pegawai diplomatik kerajaan.

Sejak sekian lama, polemik kewujudan Hang Tuah menjadi perdebatan hangat dalam kalangan ahli sejarah, penganalisis bahasa dan pengkaji komunikasi.

Mereka masing-masing terus menimbulkan persoalan adakah pahlawan Melayu itu wujud atau cerita dongeng masyarakat Melayu semata-mata.

Terbaru, ahli akademik seperti Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Emeritus Dr Hashim Musa dan Dr Rohaidah Kamaruddin menerusi hujah masing-masing mengeluarkan fakta atau kajian menyokong jasad Hang Tuah itu benar wujud dan kewibawaannya terbukti apabila manuskrip banyak disimpan di negara luar seperti di Muzium India, Universiti London, United Kingdom, Universiti Leiden, Belanda dan Universiti Frankfurt, Jerman selain turut dipercayai ada di Universiti Sophia, Jepun.

Dr Hashim dan Dr Rohaidah lebih menumpukan kepada kajian mengenai hubungan Hang Tuah sebagai pegawai diplomatik atau 'Raja Duta' yang berperanan sebagai wakil kepada kerajaan Melaka ketika pemerintahan Sultan Mansur Syah dengan tujuan memperkukuhkan angkatan tentera, ekonomi dan pertukaran idea serta teknologi.

Ada juga ahli akademik lain menyatakan sebaliknya, termasuk Karyawan Tamu Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya (UM), Prof Emeritus Dr Ahmad Adam.

Mereka mendakwa kewujudan Hang Tuah adalah dongeng atau mitos semata-mata, malah cara sebutan yang sebenarnya adalah 'Tuha' dan bukan Tuah seperti yang disebut sejak dulu.

Polemik yang berterusan itu boleh menimbulkan persoalan kepada umum yang sebelum ini mengangkat pahlawan Melayu itu sebagai

tokoh disegani, namun jika jawapan kepada kewujudannya masih diragui serta dipertikaikan menyebabkan catatan sejarah negara dilihat tak lebih kepada pembohongan.

Penulis melihat masalah ini kerana tiada kesepakatan dalam mencari kebenaran fakta sejarah negara iaitu kerjasama daripada pelbagai pihak untuk membongkar mengenai pahlawan Melayu itu masih pada tahap mendukacitakan.

Mungkin pihak berkaitan percaya tokoh berkenaan sekadar individu penting pada abad ke-15 dan benar atau tidak mengenai kewujudannya dianggap tidak memberi kesan kepada generasi sekarang.

Masalah ini ada benarnya seperti yang dinyatakan Penyelidik Pusat Penyelidikan Perancis di Timur Tengah (EFEO) Profesor Dr Daniel Perret iaitu pengkaji sejarah perlu sepatutnya dalam meneliti semua sumber untuk memperoleh gambaran lebih luas berkaitan pahlawan Melayu itu.

"Kita tidak akan dapat mencari jawapan yang kukuh jika hanya menumpukan pada satu sumber, malah kewujudan pahlawan Melayu itu semakin menjadi tanda tanya kerana tiada gabungan daripada penyelidik untuk bersama-masa mengemukakan bukti yang diperoleh mereka," kata Dr Daniel yang berpengalaman lebih 30 tahun dalam bidang penyelidikan artifak dan arkeologi di Asia Tenggara.

Maklumat berkaitan Hang Tuah juga banyak tersebar di seluruh dunia dan tersimpan rapi di beberapa muzium serta universiti terkemuka di Eropah, malah sehingga kini terus menjadi rujukan utama kepada pengkaji sejarah dunia.

Itu hanya yang diketahui dan dijumpai pengkaji sejarah kerana menurut Dr Rohaidah, terdapat banyak lagi manuskrip atau sumber premier yang tidak ditemui sehingga kini.

Sumber berkenaan kemungkinan dimiliki individu tertentu, muzium atau universiti di luar negara. Tiada kajian secara menyeluruh dan mendalam dilakukan penyelidik menyebabkan ia terus kekal misteri.

Namun, apabila diajukan kenapa tiada penyelidik tempatan melakukan kajian secara menyeluruh, pasti jawapan utama mereka kekurangan dana dan tiada sokongan untuk meneruskan niat itu.

Dr Hashim berkata, kekangan yang dihadapi mereka bukan untuk mencari bukti

kepada kewujudan Hang Tuah, tetapi masalah utama berkaitan dana kewangan yang sering membelenggu pengkaji sejarah tempatan.

"Kami memerlukan sokongan dana kewangan membabitkan puluhan ribu ringgit untuk mengkaji di 10 negara dipercayai menyimpan dan memiliki manuskrip berkaitan Hang Tuah," katanya.

Oleh itu, pada pandangan peribadi penulis, pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Muzium Negara dan institusi pengajian tinggi (IPT) perlu mengeluarkan dana yang membolehkan ahli akademik serta pengkaji sejarah memperluaskan skop pencarian mereka untuk membongkar persoalan berkaitan sejarah negara ini.

Selain itu, perlu diwujudkan juga pasukan pengkaji sejarah negara yang berperanan mencari, menganalisis dan mengkaji semua sejarah berkaitan Tanah Melayu dan membawanya pulang untuk tatapan generasi masa kini.

Hal ini kerana pengkaji sejarah yang ada hanya terdiri daripada ahli akademik, pensyarah IPT yang melakukan kajian atas dasar tanggungjawab dan segala-galanya dilakukan sendiri menerusi bantuan geran atau ihsan pihak tertentu.

Perlu diingatkan sejarah bukan untuk mengenang kembali kejadian pada masa silam, ia sebagai panduan untuk membina negara bangsa yang kukuh menerusi kejayaan tokoh serta tamadun pada zaman dulu.

**Penulis Wartawan Harian Metro**



**FAKTA**  
Maklumat berkaitan Hang Tuah banyak tersebar di seluruh dunia dan tersimpan rapi di Eropah